

Pemulihan ekonomi dunia kembali perlahan
Utusan Online
26 Julai, 2012

KUALA LUMPUR 25 Julai - Pemulihan ekonomi dunia kembali perlahan pada awal tahun ini, menurut kajian profesional kewangan seluruh dunia, Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Pengurusan Perakaunan (IMA).

ACCA dalam kenyataan berkata, profesional kewangan dari seluruh dunia bimbang terhadap kerajaan yang berada di luar kemampuan, terpaksa bertungkus lumus sekali lagi untuk mengekalkan kestabilan dengan menggunakan perbelanjaan awam tambahan.

Kajian Keadaan Ekonomi Global (GECS) bagi tempoh suku kedua 2012 yang dijalankan oleh ACCA dan IMA mendapati terdapat kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara membangun seluruh dunia yang akan terhenti sekali lagi, sebagaimana ekonomi dunia dilihat rapuh sejak tiga tahun lalu.

Kajian global mendapati 2,700 akauntan professional yang memasuki tahun ketiga mencadangkan bahawa petanda pemulihan ekonomi pada awal tahun ini telah tersasar.

Berkenaan situasi di Malaysia, suku kedua 2012 memperlihatkan impak kejatuhan ekonomi global di Malaysia dan turut mendedahkan mengenai kekurangan keyakinan pasaran di rantau Asia Pasifik.

Laporan kajian itu mendapati hanya 12 peratus responden yakin ekonomi Malaysia terus meningkat pada suku ketiga 2012, susut 20 peratus daripada suku sebelumnya, manakala 50 peratus dilaporkan hilang keyakinan terhadap pertumbuhan itu.

Selain itu, hanya 18 peratus percaya bahawa ekonomi global dalam proses pemulihan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20120726/ek_04/Pemulihan-ekonomi-dunia-kembali-perlahan